



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMANDU (F.1-2-3-4-5 EB.6)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEMANDU

JABATAN-JABATAN KERAJAAN

F.1-2-3-4-5 EB.6 (\$445 - \$790 EB KHAS \$805 - \$865 SEBULAN)

KEKOSONGAN = ENAM (06)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Tingkatan Satu atau sebanding.

ATAU

- b) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai Kelas Lesen Memandu yang sah tertakluk kepada keperluan tugas dan kehendak Kementerian / Jabatan berkenaan.
3. Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas Sembilan (09) atau sebanding dengannya mengikut kehendak dan yang diaturkan oleh Kementerian / Jabatan berkenaan. (Khusus bagi Pemandu Kenderaan Laut)
4. Berpengetahuan dan berpengalaman dalam kerja-kerja membaiki kerosakan motor sangkut atau kenderaan laut yang berkaitan dan berpengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan sungai di Negara ini serta pandai berenang. (Khusus bagi Pemandu Kenderaan Laut)
5. Berpengalaman memandu beberapa jenis kenderaan dan berkebolehan membaiki kerosakan kecil adalah kelebihan.
6. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memandu kenderaan yang digunakan bagi membawa penumpang-penumpang dan pegawai / kakitangan Kementerian / Jabatan bagi urusan-urusan rasmi Kementerian / Jabatan. (jika berkenaan);
2. Membantu menguruskan kerja-kerja pemeliharaan / membaiki kenderaan serta penyambungan cukai jalan jika diperlukan;
3. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemeriksaan dan membaiki kerosakan-kerosakan kenderaan yang digunakan dan kerja-kerja berkaitan;



4. Membuat dan menghadapkan laporan dengan seberapa segera sekiranya ada kerosakan-kerosakan yang perlu gantian;
5. Bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan kenderaan yang digunakan dan memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan bersih serta mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan;
6. Bertanggungjawab terhadap keselamatan penumpang. (jika berkenaan);
7. Bersedia untuk ditempatkan dan bertugas di mana-mana daerah jika diperlukan;
8. Sentiasa mencatatkan setiap perjalanan-perjalanan yang menggunakan kenderaan Kementerian / Jabatan ke dalam buku catatan yang telah dikhaskan (jika berkenaan);
9. Sentiasa menggunakan buku khas bagi pengambilan minyak dan mencatatkan setiap pengambilan minyak bagi kenderaan-kenderaan Kementerian / Jabatan ke dalam buku catatan yang telah dikhaskan (jika berkenaan); dan
10. Menerima arahan dari semua pegawai atasan dari semasa ke semasa.